



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/115 (HQ)

### JALUR GEMILANG DIKIBARKAN DI SEMUA PREMIS TNB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meneruskan amalan memasang Jalur Gemilang di semua premis dan stesen-stesen janakuasa dan janaelektriknya di seluruh negara sempena sambutan Hari Kebangsaan hujung bulan ini.

Ibu pejabatnya di Bangsar di sini dipasang dengan dua bendera gergasi bersaiz 20/80 kaki persegi mulai 31 Julai lalu.

Turut dipasang lebih 200 Jalur Gemilang pelbagai saiz di perkarangan Kompleks Ibu Pejabat TNB termasuk di sekeliling pagar luar, sekitar Kompleks Balai Islam An Nur dan Jalan Kelab Kilat atas rasa bangga dan kesyukuran membangun bersama rakyat dan negara.

Sambutan tarikh keramat kemerdekaan pada 31 Ogos juga tambah bermakna bukan sahaja sejajar peranannya sebagai Penggerak Kemajuan Negara, malah kerana TNB sendiri menyambut ulang tahun kewujudannya (72 tahun pada 1 Sept 2021) sehari selepas rakyat meraikan Hari Kebangsaan.

Tema Hari Kebangsaan kali ini pula, iaitu Malaysia Prihatin secocok dengan nilai-nilai teras keluarga besar 35,000 warga kerja TNB dengan iltizam dan aspirasi berterusan menerangi kehidupan yang lebih sejahtera.

Bersempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-64 pada tahun ini, TNB menawarkan insentif khas Sinaran Merdeka untuk pelanggan perdagangan. Insentif diberikan selama dua bulan bagi penggunaan elektrik pada bulan Ogos dan September 2021 sebagai galakan kepada pelanggan perdagangan menerangi bangunan dan kawasan persekitaran mereka dengan lampu hiasan.

TNB juga memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini menerusi filem 'Raikan Malaysia Kita' bagi memaparkan semangat positif rakyat Malaysia dalam mengharungi pandemik COVID-19. Filem animasi mengisahkan empat individu yang sarat emosi ini telah mula ditayangkan pada 24 Ogos 2021.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 Ogos 2021, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ibu pejabat **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** di Bangsar dipasang dengan dua bendera gergasi bersaiz 20x80 kaki mulai 31 Julai lalu.



Lebih 200 Jalur Gemilang pelbagai saiz dipasang di pekarangan Kompleks Ibu Pejabat **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** di Bangsar, Kuala Lumpur termasuk sekeliling pagar luar, sekitar Kompleks Balai Islam An Nur dan Jalan Kelab Kilat sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64.